

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan

- a. sekiranya Kerajaan ada perancangan untuk membina baru sebuah Klinik Desa Kerajaan di Ng. Bena, Sg. Sut untuk menggantikan klinik lama yang sudah uzur; dan
- b. status Klinik Desa di Long Busang, Belaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan peruntukan di bawah Dasar Baru 2014 bagi membaiki serta menyelenggara klinik-klinik kesihatan di Sarawak termasuk Klinik Kesihatan Nanga Benar, Kapit. Projek kini sedang di peringkat pemilihan sebut harga dan kerja-kerja pembaikan dijangka dapat dimulakan pada Disember ini.

Cadangan bagi pembinaan Klinik Kesihatan Nanga Bena yang baru akan dikaji keperluan dan keutamaannya. Sekiranya ada keperluan, cadangan pelaksanaannya akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia (RMK) akan datang.

Dalam RMK-10, cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Long Busang telah dipohon. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan. Projek ini masih disenaraikan sebagai salah satu keutamaan dalam projek pembangunan klinik kesihatan di Sarawak bagi RMK-11.